

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 MAY 2016

Projek bukti persahabatan dua negara

BH - 31/5/2016

→ Pembinaan kereta api berkelajuan tinggi Malaysia, Singapura mantap kestabilan

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Malaysia dan Singapura akan memeterai perjanjian persefahaman (MOU) bagi melaksanakan pembinaan kereta api berkelajuan tinggi menghubungkan kedua-dua negara pada Julai ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerjasama itu membuktikan semangat persahabatan antara negara ini dan republik itu.

"Ini adalah pendekatan kita. Perkembangan perhubungan dan kerjasama ekonomi dengan negara luar menghasilkan keamanan, kes-

Info

Rundingan Meja Bulat Asia-Pasifik (APR) Ke-30

→ Rundingan tiga hari bermula 30 Mei hingga 1 Jun

→ 300 peserta rundingan

→ Tema ialah Kerjasama dan Persaingan Dalam Mengubah Landskap Serantau

tabilan dan kemakmuran.

Peluang ekonomi

"Kita sekarang menuju ke arah merealisasikan pembinaan kereta api berkelajuan tinggi itu bagi meningkatkan perhubungan, peluang ekonomi serta perhubungan rakyat di kedua-dua negara," katanya ketika berucap merasmikan Rundingan Meja Bulat Asia-Pasifik (APR) Ke-30 di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Pengerusi ASEAN-Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ASEAN-ISIS), Tan Sri Rastam Mohd Isa.

Selain itu, Najib berkata, untuk mengekalkan ekonomi yang kukuh, hubungan dengan negara jiran perlu dipelihara.

"Justeru, tanpa mengambil kira

sistem dan ideologi politik, kebebasan dikekalkan tanpa mencampuri prinsip serantau dan antarabangsa," katanya.

Najib berkata, kerjasama yang rapat dan sihat dengan negara jiran penting bagi mengekalkan kestabilan ekonomi.

"Ekonomi global diakui lembap sekarang, tetapi Malaysia kekal berdaya tahan.

"Terima kasih diucapkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang bekerja keras, kepada dasar kerajaan serta pelbagai program yang dijalankan selama ini," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dijangka menyampaikan ucapan pada rundingan itu pagi ini.